

**ISLAMIC INHERITANCE LAW: SISTERS IN ISLAM (SIS)'s PERSPECTIVE****UNDANG-UNDANG PUSAKA ISLAM: PERSPEKTIF SISTERS IN ISLAM (SIS)**Hafizah Mohd Bokri<sup>i</sup> & Mohd Zamro Muda<sup>ii</sup><sup>i</sup> Calon Sarjana Sastera (Pengajian Islam), Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. hafizahmohdbokri@yahoo.com<sup>ii</sup> (Ph.D). Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. zamro@ukm.edu.my

<b>Abstract</b>	<i>Provisions that give a larger share to the heirs of men in Islamic Inheritance Laws or, more simply called 2:1 has been discussed again by Sisters in Islam (SIS). For SIS, the provision would require a change in accordance with the social changes of today's society so that it will be more gender-balanced. The phenomenon of today shows many working women bear the family expenses hence the division of 2:1 is viewed as not giving justice to women. Therefore, this article will discuss Islamic Inheritance Law from SIS's perspective. In addition, this article also discusses this law from the perspective of Islam. This study is a qualitative approach using content analysis approach descriptively to collect data. The study found that the social development of the community does not change the rate of portion between men and women because the law was clearly written in the Quran. However, equal division is allowed in Islam if approved by all heirs.</i>
<b>Abstrak</b>	<i>Peruntukan yang memberi bahagian yang lebih besar kepada waris lelaki dalam Undang-undang Pusaka Islam atau lebih mudah disebut 2:1 telah dibincangkan semula oleh Sisters in Islam (SIS). Bagi SIS, kadar peruntukan itu memerlukan perubahan sesuai dengan perubahan sosial masyarakat masa kini agar lebih berkeadilan gender. Fenomena zaman sekarang menunjukkan ramai wanita bekerja menanggung perbelanjaan keluarga justeru pembahagian 2:1 dilihat tidak memberi keadilan kepada wanita. Oleh itu, artikel ini akan mengkaji Undang-undang Pusaka Islam menurut perspektif SIS. Selain itu, artikel ini juga membincangkan undang-undang ini dari sudut pandang Islam. Kajian ini merupakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan secara deskriptif untuk mengumpul data. Kajian mendapati perkembangan sosial masyarakat tidak mengubah kadar ketetapan waris lelaki dan wanita kerana hukum tersebut telah jelas termaktub dalam al-Quran. Bagaimanapun pembahagian yang sama rata dibolehkan dalam Islam sekiranya mendapat persetujuan semua ahli waris.</i>

Kata Kunci: *Pusaka, Islam, SIS; keadilan, gender.***PENGENALAN**

Wanita zaman jahiliah sebelum kedatangan Islam tidak mendapat hak mewarisi harta bahkan diri mereka sendiri menjadi sesuatu yang boleh diwarisi dan dijual beli. Seluruh harta peninggalan hanya diperuntukkan untuk anak-anak lelaki sebagai barang jual beli sementara anak perempuan tidak diberi bahagian walaupun sedikit (al-Qaradawi, 1997; al-Sabuni, 2002). Tetapi setelah kedatangan Islam, kedudukan wanita dimuliakan oleh agama suci ini. Islam telah mengiktiraf wanita sebagai ahli waris yang

sah dan berhak mendapatkan harta peninggalan orang tuanya. Hal ini terakam dalam Kitab Suci al-Quran seperti mana yang telah difirmankan oleh Allah SWT:

للرِّجَالِ نَصِيبٌ مَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ إِمَّا قَلِيلٌ مِّنْهُ أَوْ كَثُرٌ  
نَصِيبًا مَفْرُوضًا

Maksudnya, “Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak daripada harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah)” (al-Quran. al-Nisa’: 7).

Namun, penetapan kadar pusaka Islam yang memberikan bahagian yang lebih besar kepada waris lelaki berbanding waris perempuan mula dikaji dan dibincangkan semula oleh sesetengah pihak seperti *Sisters in Islam* (SIS). Bagi golongan ini mereka merasakan bahawa undang-undang pusaka Islam perlu direformasi agar sesuai dengan perubahan sosial masyarakat abad ini supaya lebih berkeadilan dalam menunaikan hak-hak wanita Islam seiring dengan matlamat utama agama Islam iaitu membawa keadilan kepada seluruh alam jagat.

Di samping itu, SIS juga giat melebarkan sayap dakwahnya kepada golongan wanita Muslim khususnya dan masyarakat amnya agar mereka sedar dan tahu akan hak-hak mereka yang ditindas selama ini atas nama Islam. Justeru itu, kajian ini bertujuan melihat perbincangan SIS dalam perundangan pusaka Islam ini dari sudut ilmiah. Adakah tuntutan SIS untuk memperbaharui Undang-undang Pusaka Islam menepati syariat Islam?

## PENYATAAN MASALAH

Firman Allah SWT:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذِّكْرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ

Maksudnya, “Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan” (al-Quran. al-Nisa’: 11).

Ayat ini merupakan surah al-Nisa’ yang bermaksud perempuan antara surah Madaniyyah iaitu salah satu surah yang diturunkan di Madinah kecuali pada ayat 58 yang diturunkan di Mekah iaitu pada tahun pembukaan Kota Mekah. Ayat ke-11 surah al-Nisa’ merupakan rukun daripada rukun-rukun agama dan salah satu cabang daripada cabang-cabang hukum. Gambaran bahawa besarnya ilmu faraid sehingga dikatakan ia 2/3 daripada ilmu atau pada riwayat lain mengatakan 1/2 daripada cabang ilmu. Ia juga merupakan ilmu pertama yang akan dicabut dan dilupakan oleh manusia. Pada riwayat al-Bukhari daripada Ibn Abbas bahawasanya ayat ini turun kerana harta diberikan kepada anak lelaki dan wasiat kepada kedua orang tua. Kemudian dinasakhkan dengan ayat-ayat ini (al-Qurtubi, 1967).

Karm (2007) bagaimanapun mendakwa bahawa majoriti surah berkaitan wanita diturunkan di Madinah. Pada waktu itu, masyarakat Madinah mengalami perubahan sosial yang pesat. Oleh itu tidak mustahil apabila surah Madaniyyah berkait dengan perundangan sosial. Jika kita teliti kembali al-Quran dari segi konteks sosial dan sejarahnya, maka kita akan mendapatkan jawapan yang berbeza. Karm juga menyatakan

bahawa pesan-pesan al-Quran yang berkaitan dengan posisi wanita harus dinilai sebagai fungsi dinamika sosial dan perintah yang hendak disampaikan kepada masyarakat Arab abad ke-7 yang mana pesanan dan perintah tersebut tidak semestinya diguna pakai dalam menentukan nasib wanita pada hari ini.

Manakala Zaitunah Subhan (1999) pula menjelaskan bahawa ajaran Islam bersifat kontekstual. Menurut Subhan, terdapat dua aspek yang perlu diperhatikan. Pertama, meninjau realiti sosial ketika turunnya wahyu (*asbab al-nuzul*). Sekiranya wanita pada zaman sebelumnya tidak mendapat hak pewarisan bahkan dirinya turut menjadi sesuatu yang boleh diwarisi justeru perintah agama memberi hak mewarisi pusaka kepada wanita adalah satu revolusi yang radikal menunjukkan bahawa Islam menyamakan antara lelaki dan wanita iaitu sama-sama menjadi subjek yang berhak mewarisi harta. Kedua, aspek yang perlu dilihat ialah jumlah dan kuantiti pembahagian dua waris wanita yang bersamaan dengan seorang waris lelaki berdasarkan sosial ekonomi pada masa tersebut (khususnya dalam kehidupan berkeluarga).

Beban dan nafkah yang menjadi tanggungjawab lelaki menjadi faktor peruntukan harta pusaka mereka lebih besar berbanding wanita. Meskipun seorang wanita itu kaya dan berpendapatan melebihi suaminya, segala kekayaan tersebut menjadi miliknya tanpa dibebani kewajipan menafkahi keluarga. Inilah latar belakang sosial ekonomi yang menyebabkan sistem pewarisan 2:1 termaktub dalam al-Quran di tengah-tengah masyarakat Arab lima belas abad yang lalu. Oleh demikian, kita memahami konsep 2:1 itu adalah kerana berlatar belakang sistem ekonomi keluarga. Justeru, tidak timbul halangan untuk melakukan modifikasi terhadap ketentuan waris. Tambah Subhan lagi, dalam hal ini prinsip qatie atau normatif dalam Islam mengenai "kesamarataan antara lelaki dan wanita" tetap ditegakkan.

Bagi Hamka (1975) pula, para pemikir orientalis sering menyogok isu ketidakadilan dalam hukum faraid atau pusaka Islam hanya kerana bahagian yang diperolehi anak lelaki dua kali ganda berbanding anak perempuan. Namun, Hamka mengatakan bahawa mereka yang menentang hukum ini enggan mengakui peraturan Agama Kristian atau Romawi sehingga ke hari ini masih belum mempunyai sistem warisan yang menetapkan bahagian wanita yang sejelas peraturan hukum Islam.

Namun menurut Amina Wadud (1999) pembahagian pusaka 2:1 yang disebut dalam surah al-Nisa' bukanlah kaedah pembahagian tunggal akan tetapi hanyalah salah satu daripada beberapa kaedah dalam pembahagian harta pusaka kepada ahli waris. Wadud juga memberikan contoh situasi di mana seorang isteri yang kematian suami dan mempunyai tiga orang anak, seorang lelaki dan dua orang perempuan kemudian perbelanjaan keluarga tersebut ditanggung oleh anak perempuan. Maka beliau mengajukan persoalan adakah wajar anak lelaki menerima bahagian yang lebih besar?

Justeru, artikel ini bertujuan meninjau pemikiran *Sisters in Islam* terhadap Perundangan Pusaka Islam di samping memperkenalkan sejarah bertapaknya SIS di Malaysia. Selain itu, artikel ini juga akan membincangkan Perundangan Pusaka Islam dari sudut Syariah Islamiyyah.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan untuk mengumpul data dan maklumat. Penganalisisan data dilakukan dengan menggunakan analisis deskriptif. Kajian ini menyentuh mengenai sistem Perundangan Pusaka Islam (faraid) dari sudut pandang *Sisters in Islam* (SIS). Walau bagaimanapun, artikel ini hanya memfokuskan mengenai pandangan SIS dalam pengagihan 2:1 antara waris lelaki dan waris perempuan dan tidak menyentuh hukum faraid secara keseluruhan.

Hal ini kerana, sistem agihan 2:1 inilah yang sering dibincangkan oleh SIS kerana mereka melihat pemberian bahagian pusaka yang lebih besar kepada waris lelaki merupakan satu diskriminasi ke atas kaum wanita yang mana pada zaman moden ini golongan tersebut (wanita) turut menjadi penyumbang dalam ekonomi keluarga. Selain itu kajian juga turut menyentuh hukum ini dari sudut Syariah.

## PENGENALAN AWAL SISTERS IN ISLAM (SIS) DI MALAYSIA

*Sisters in Islam* atau nama singkatannya SIS merupakan satu badan organisasi bukan kerajaan yang ditubuhkan oleh sekumpulan wanita profesional yang terdiri daripada peguam, ahli akademik, wartawan, penganalisis, aktivis dan wanita-wanita yang mengadu tentang masalah rumah tangga dan kesukaran yang mereka hadapi sewaktu memohon tindakan undang-undang daripada pihak berkuasa agama. Gerakan ini mengadakan pertemuan pertamanya pada tahun 1987 dengan Persatuan Peguam-pegawai Wanita (AWL) apabila beberapa peguam wanita dan rakan-rakan mereka di bawah Persatuan Jawatankuasa Kecil Syariah hadir bersama bagi membincangkan masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam yang baru digubal pada tahun 1984, dan dikuatkuasakan pada tahun 1987. Pada pertemuan pertama, mereka memberi tumpuan kepada masalah undang-undang dan pelaksanaannya serta penyelesaian yang diperlukan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan sistem sedia ada. Mesyuarat pertama kumpulan ini telah diadakan di sebuah rumah yang dikongsi oleh Zainah Anwar seorang bekas wartawan dan Noor Farida Ariffin, Presiden Persatuan Peguam Wanita dan Penasihat Undang-undang Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (<http://sistersinislam.org.my/page.php?35>).

Pada tahun 1993, gerakan ini secara rasminya telah didaftarkan sebagai salah satu badan bukan kerajaan *Non Governmental Organization* (NGO) di bawah nama SIS Forum Malaysia Berhad. Meskipun pertubuhan SIS boleh dikatakan baru tetapi pertubuhan ini lebih dikenali berbanding pertubuhan-pertubuhan atau NGO wanita lain yang ditubuhkan sebelumnya. Sejak awal kemunculannya, SIS berjaya menarik perhatian masyarakat Malaysia malah SIS sangat aktif dan terkehadapan dalam memperjuangkan idea-ideanya (Anon, 2012).

Misi SIS ialah untuk mempromosikan hak-hak wanita Muslim menurut kerangka konsep Islam. SIS juga menyokong prinsip-prinsip yang digariskan oleh al-Quran iaitu prinsip dan nilai-nilai kebenaran, kebebasan dan kesaksamaan yang menjadi rukun prinsip-prinsip universal hak asasi manusia. Mereka cuba untuk menghapuskan diskriminasi, ketidakadilan dan prejudis terhadap perempuan dengan memberi kesedaran kepada masyarakat untuk mengubah undang-undang. Melalui kajian mereka terhadap al-Quran, mereka menjelaskan bahawa hubungan antara gender ialah nasihat-menasihati, kasih sayang dan belas kasihan. Mereka juga menganggap tafsiran-tafsiran yang dilakukan oleh kebanyakan kaum lelaki bersifat patriarki kerana mereka tidak memahami pengalaman dan realiti sebenarnya yang dialami oleh orang perempuan (Rashidah Shuib, 2005).

Di samping itu, SIS juga merancang objektif bagi jangka masa panjang iaitu untuk memperkenalkan hak-hak wanita Islam yang mengambil kira realiti dan pengalaman hidup wanita, menghapuskan ketidakadilan dan diskriminasi terhadap wanita dengan mengubah pemikiran yang menganggap wanita itu lebih rendah berbanding lelaki, memberi kesedaran kepada masyarakat dan mengubal polisi undang-undang yang menepati prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam Islam. Di samping itu juga SIS dengan visinya berharap agar organisasi ini menjadi sebuah organisasi yang memimpin ke arah keadilan gender di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (<http://sistersinislam.org.my/page.php?36>).

## **UNDANG-UNDANG PUSAKA ISLAM (FARAID) DARI PERSPEKTIF SIS**

Pada abad ke 21 ini, tidak wujud istilah keadilan tanpa kesaksamaan dan keseimbangan. Lelaki dan wanita sama-sama berhak mendapatkan keadilan dan kesaksamaan dalam keluarga. Pengiktirafan tanggungjawab bersama dalam keluarga harus disertai dengan bersama membuat keputusan, bersama mendapatkan keadilan, bersama dalam memiliki harta dan juga bersama dalam membahagikan harta akibat perceraian atau kematian. Ini adalah bagi menjamin keselamatan kewangan setiap ahli keluarga (Zainah Anwar, 2009).

Menurut SIS, al-Quran telah menghuraikan secara terperinci kaedah-kaedah dan prosedur pewarisan yang terkandung dalam surah al-Nisa' ayat 11, 12 dan 176. Ayat-ayat ini bertujuan untuk memperkenalkan bahagian saudara perempuan dalam pewarisan harta ketika mana adat Arab pra-Islam tidak memberikan hak mewarisi harta kepada wanita. Oleh itu, al-Quran telah memperkenalkan dasar baru hak-hak ekonomi untuk wanita. Tetapi malangnya, tafsiran terhadap ayat-ayat pewarisan ini kebanyakannya dikeluarkan oleh mereka yang sering mengabaikan prinsip egalitarian atau prinsip hak dan peluang yang sama untuk semua (The Concise Oxford Dictionary of Current English, 1995) sehingga menyebabkan kaum wanita sehingga hari ini dinafikan hak-hak warisan penuh kerana kesalahan dan sikap tidak terbuka dalam membaca teks suci al-Quran (<http://www.sistersinislam.org.my/news.php?cat.42>).

Zainah Anwar (2012) menjelaskan bahawa masyarakat SIS tidak menolak hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT dalam masalah pembahagian harta pusaka seperti mana yang terkandung dalam surah al-Nisa' ayat 11, 12 dan 176. Akan tetapi beliau mengingatkan bahawa pelaksanaan hukum tersebut perlulah mengambil kira situasi semasa masyarakat. Islam merupakan satu agama yang sangat adil. Dalam soal faraid, lelaki diberikan bahagian yang lebih besar kerana tanggungjawab mereka ke atas perempuan-perempuan di bawah jagaan mereka seperti ibu, saudara perempuan atau anak saudara perempuan mereka. Walaupun keadaan masyarakat masa kini telah berubah di mana kaum wanita sekarang ramai yang bekerja dan membantu suami dari segi kewangan, melahirkan dan mendidik anak-anak serta turut menguruskan rumah tangga namun dari segi kefahaman masyarakat mengenai hukum faraid masih lemah kerana ramai yang tidak menghayati semangat dan prinsip-prinsip sebenar dari Allah SWT. Ini kerana mereka menganggap hukum faraid itu satu hak mutlak dan istimewa dalam Islam tetapi mereka gagal dalam menunaikan tanggungjawab iaitu memelihara dan melindungi kaum wanita di dalam keluarga mereka seperti yang dituntut oleh Islam. Mereka hanya tahu menuntut hak istimewa tersebut sementara tanggungjawab terhadap keluarga dan agama sering diabaikan. Pemikiran seperti ini akan memudaratkan kaum wanita dan kanak-kanak.

SIS berpandangan bahawa tanggungjawab ini perlu dijelaskan dengan lebih terperinci dan para waris lelaki perlu menjalankan tanggungjawab tersebut dengan penuh ketaatan. SIS juga menggesa agar satu undang-undang dapat digubal supaya waris lelaki yang mendapat pembahagian harta yang lebih besar ini menjalankan tanggungjawab mereka terhadap waris wanita. Sekiranya kaum lelaki menyedari pengabaian mereka terhadap tanggungjawab ini, dengan kata sepakat harta pusaka boleh dibahagikan dengan cara yang lebih adil iaitu dengan menggunakan prinsip istihsan kerana ianya lebih adil dan sesuai (Zainah Anwar, 2012).

Ratna Osman (2012) pula mengatakan beliau hairan kenapa harus anak lelaki memperoleh harta dua kali ganda daripada anak perempuan sekalipun sekiranya anak perempuan yang menanggung dan menjaga orang tuanya? Dan kenapa wanita menerima bahagian pusaka yang lebih kecil dibandingkan dengan lelaki meskipun para wanita ini menjadi tulang belakang dalam menanggung perbelanjaan keluarganya? Beliau sebaliknya diberitahu bahawa ini semua adalah hikmah di sebalik wahyu yang Allah turunkan kerana itu undang-undang pusaka Islam kekal tidak

berubah meskipun realiti zaman sekarang berbeza dengan zaman kehidupan Nabi SAW. Tetapi beliau percaya bahawa Islam adalah agama yang adil dan ini bukanlah takdir yang dikehendaki oleh Tuhan terhadap wanita Muslim.

Manakala dalam membentangkan kertas kerjanya di Kolej al-Makhtoum Scotland, Ratna (2014) membicarakan permasalahan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia antara yang turut diberi perhatian ialah undang-undang pusaka. Menurut beliau, pusaka Islam antara undang-undang keluarga yang bermasalah di Malaysia kerana masyarakat Islam Malaysia menggunakan Mazhab Syafi'i yang membaca satu persatu ayat *mawarith* dalam pembahagian lelaki dan wanita. Undang-undang keluarga berdasarkan teori dan konsep yang dibangunkan oleh ulama klasik (fuqaha) sangat berbeza dari segi sejarah, sosial dan konteks ekonomi sekarang. Ketidakadilan gender dalam fiqh bukanlah wahan tetapi hukum yang dibina oleh fuqaha lelaki.

Justeru, undang-undang keluarga Islam perlu diubah memandangkan undang-undang tersebut bukanlah bersifat Ilahi tetapi ia hanyalah pentafsiran manusia yang memikirkan apa yang terbaik untuk umat manusia. Selain itu, Islam juga meraikan perubahan zaman, tempat dan keadaan. Tambah Ratna lagi, dalam usaha membina masyarakat kita memerlukan kesaksamaan dan keseimbangan. Keadilan gender diperlukan dalam keluarga Islam dan inilah idea yang dipromosikan oleh SIS.

Syariat Islam memberi bahagian yang lebih besar kepada lelaki dalam bab pewarisan kerana lelaki diwajibkan menanggung nafkah wanita tetapi zaman sekarang kita dapat melihat para wanitalah yang sering memberi sumbangan dua kali ganda ini terbukti apabila dia yang menguruskan rumah tangga dan perbelanjaan keluarga meskipun itu bukanlah tanggungjawabnya untuk menyediakan semua itu. Namun sumbangan suami tetap dianggap lebih besar daripada sumbangan isterinya (Nik Noriani Nik Badlishah, 2003).

## **UNDANG-UNDANG PUSAKA ISLAM (FARAID) DARI PERSPEKTIF SYARIAH**

Undang-undang pusaka Islam mempunyai autoriti yang terdiri daripada al-Quran, Sunnah dan Ijma' ulama. Dalam al-Quran, terdapat dua bentuk ayat yang berbicara tentang pusaka iaitu bentuk ayat *mujmal* dan *mufassal*. Ayat *mujmal* menjelaskan hak-hak waris dalam pusaka secara umum tanpa menentukan bahagian setiap ahli waris seperti yang termuat pada ayat 7 surah al-Nisa', ayat 75 surah al-Anfal dan ayat 6 surah al-Ahzab. Manakala bagi bentuk ayat *mufassal* pula, Allah SWT telah menghuraikan secara terperinci ahli-ahli waris dan kadar bahagian setiap daripada mereka dalam satu surah sahaja iaitu surah al-Nisa' ayat 11, 12 dan ayat terakhir surah tersebut iaitu ayat 176. Ketiga-tiga ayat ini dikenali sebagai ayat *al-mawarith* dan amat penting dalam pengajian faraid kerana ia adalah asas dalam ilmu faraid (Ridzuan Awang, 2008).

Firman Allah SWT:

لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالآقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالآقْرَبُونَ إِمَّا قَلِيلٌ مِّنْهُ أَوْ كَثُرٌ  
نَصِيبًا مَفْرُوضًا

Maksudnya, "Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak daripada harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah)" (al-Quran. al-Nisa': 7).

Sa<sup>c</sup>id bin Jabir dan Qatadah berkata orang-orang musyrik pada zaman jahiliah hanya memberikan harta warisan berlegar di kalangan kaum lelaki sahaja. Para wanita dan kanak-kanak tidak diberikan hak mewarisi harta. Maka Allah SWT menurunkan ayat ini kerana baik lelaki atau perempuan keduanya sama sahaja pada hukum Allah. Begitu juga mereka sama-sama memiliki hak untuk mewarisi meskipun bahagian mereka berbeza. Ini sesuai dengan kadar yang ditetapkan oleh Allah SWT menurut hubungan kekeluargaan seseorang itu dengan si mati (Ibnu Kathir, t.th).

Kemudian pada ayat seterusnya iaitu ayat 11 surah yang sama Allah SWT berfirman:

يُوصِّيْكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ إِنْ كَنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَأَهْنَ شُلُثُمَا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النَّصْفُ وَلَا يَبْوَيْهُ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا السُّلْطُنُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرَثَتْ أَبْوَاهُهُ فَلِأُمَّمِ الشُّلُثُمَ إِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمَّمِهِ السُّلْطُنُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِّي بِهَا أُوْ دَيْنِ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا فَرِضَةً مِنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Maksudnya, “Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih daripada dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang daripada keduanya: satu perenam daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan daripada Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana” (al-Quran. al-Nisa’: 11).

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad bin Jabir ia berkata: telah datang isteri Sa<sup>c</sup>ad bin Rabi<sup>c</sup> menemui Rasulullah SAW bersama dua orang puterinya. Kemudian dia mengadu kepada Rasulullah SAW perihal saudara Sa<sup>c</sup>ad yang telah mengambil seluruh harta Sa<sup>c</sup>ad setelah dia menemui syahid dalam perang Uhud bersama-sama Rasulullah SAW sehingga tidak meninggalkan sedikit pun harta buat kedua puteri Sa<sup>c</sup>ad. Isteri Sa<sup>c</sup>ad melanjutkan bahawa kedua puterinya tidak mungkin berkahwin kecuali dengan memiliki harta. Lantas Rasulullah SAW menjawab bahawa Allah akan memberikan keputusan terhadap urusan ini. Lalu turunlah ayat ini. Kemudian Rasulullah SAW menghantar utusan kepada saudara Sa<sup>c</sup>ad dan memerintahkan agar diberikan kepada kedua puteri Sa<sup>c</sup>ad 2/3 daripada harta Sa<sup>c</sup>ad, isterinya diberi 1/8 dan baki daripada itu boleh diambil oleh saudara Sa<sup>c</sup>ad (Ibn Kathir, t.th).

يُوصِّيْكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ

Al-Awfi daripada Ibn <sup>c</sup>Abbas berkata ketika ayat ini diturunkan, maka banyak yang tidak menyenangi dan membantahnya. Mereka berkata bagaimana halnya seorang perempuan mendapat 1/4 atau 1/8, anak perempuan 1/2 dan anak-anak kecil juga turut mendapat bahagian walhal mereka tidak ikut serta dalam peperangan dan mereka tidak sekali-kali berhak ke atas ghanimah.

Mereka berharap agar Rasulullah SAW lupa atau mengubah ketentuan tersebut (Ibn Kathir, t.th; al-Qutb, 1971).

Inilah ayat-ayat mulia yang telah difirmankan oleh Allah SWT dalam kitabNya. Dalam ayat tersebut Allah SWT telah menjelaskan setiap ahli waris yang berhak menerima harta warisan dan kadar jumlah bagi setiap ahli waris. Perbezaan pembahagian antara waris lelaki dan wanita mengandungi hikmah yang banyak antaranya ialah (al-Sabuni, 2006):

Pertama: keperluan dan hajat wanita perlu dibiayai oleh kaum lelaki.

Kedua: wanita tidak dipertanggungjawabkan untuk menafkahi keperluan keluarga.

Ketiga: nafkah dan tanggungjawab yang dipikul oleh lelaki lebih besar berbanding wanita.

Keempat: lelaki diwajibkan membayar mahar kepada isterinya dan menyediakan tempat tinggal, makanan dan pakaian untuk isteri dan anak-anaknya.

Kelima: seorang lelaki perlu membiayai pendidikan dan perubatan isteri dan anak-anak.

Firman Allah SWT:

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقٌ هُنَّ وَكَسْنُونُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya, “Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya” (al-Quran. al-Baqarah: 233)

Dari penglihatan yang tajam ini, maka jelas kepada kita akan hikmah dan kebijaksanaan Allah SWT dalam menetapkan perbezaan bahagian bagi lelaki dan perempuan dalam hukum waris.

Menurut Mustafa al-Shalabi (1978) masyarakat Arab Jahiliah saling mewarisi harta kerana faktor-faktor yang berikut. Pertama atas sebab nasab iaitu hubungan kekeluargaan. Kedua kerana sumpah dan ketiga kerana anak angkat. Bagi hubungan nasab, harta hanya dibahagikan kepada kaum lelaki yang gagah. Mereka menunggang kuda dan melawan musuh serta mempertahankan qabilah. Adapun bagi kaum kanak-kanak dan wanita mereka tidak mendapatkan bahagian dalam warisan meskipun mereka adalah saudara perempuan, isteri mahupun anak perempuan.

Al-Qutb (1971) berkata, pada ayat إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْمًا حَكِيمًا yang bermaksud “Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana” menjelaskan bahawa inilah sentuhan yang ke-3 dalam ulasan ini. Ia dikemukakan dengan tujuan agar hati manusia menyedari bahawa semua peraturan pusaka itu merupakan ketetapan yang telah diputuskan oleh Allah untuk muslihat manusia. Ia ditetapkan berdasarkan ilmu Allah dan hikmat-Nya. Allah SWT menentukan begitu kerana Dia Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana, sedangkan manusia tidak mengetahui dan hanya mengikut hawa nafsu. Demikianlah ulasan-ulasan itu dikemukakan agar pokok pangkal masalah ini kembali kepada paksinya yang asal iaitu paksi “aqidah yang menentukan konsep agama” iaitu berhakim kepada Allah dan menerima kefarduanNya serta reda terhadap segala undang-undangNya.

Hadis-hadis Nabi SAW juga ada menyebutkan berkaitan pusaka, antaranya hadis yang diriwayatkan daripada Ibn Abbas bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

أَحْقَوَ الْفَرَائِضَ بِأَهْلِهَا، فَمَا بَقِيَ فِلَاؤِلَى رَجُلٍ ذَكَرٍ

Maksud, "Serahkanlah harta-harta pusaka kepada pemiliknya. Sekiranya ada baki, serahkanlah kepada kaum keluarga lelaki yang terdekat" (Hadis. Al-Bukhari. no. 6732).

Dalam hadis yang lain diriwayatkan daripada Abu Hurayrah bahawa Nabi SAW bersabda:

أَنَا أَوْلَى بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ، فَمَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ دِينٌ لَمْ يَتَرَكْ وَفَاءَ فَعَلِيْنَا قَضَاؤُهُ، وَمَنْ تَرَكَ مَالًا فَلَوْرَثَتْهُ

Makudunya, "Aku lebih utama daripada orang mukmin dibandingkan diri mereka sendiri. Sesiapa yang mati meninggalkan hutang dan tidak ada penjamin maka ke atas kami untuk menunaikannya. Sesiapa mati meninggalkan harta maka itu adalah untuk pewarisan" (Hadis. Al-Bukhari. No. 6731).

Menurut Zulkifli al-Bakri (2011), sistem pusaka adalah satu sistem yang sah berdasarkan nas-nas al-Quran, Sunnah dan ijma' ulama. Ia sama seperti hukum solat, zakat, muamalat dan hudud. Hukum pusaka wajib dilaksanakan dan tidak harus diubah atau diabaikan sekalipun hukum tersebut telah lama disyariatkan. Ia merupakan syariat Allah yang Maha Bijaksana bagi memelihara kepentingan manusia. Meskipun terdapat manusia yang merasakan pandangan mereka lebih baik. Namun undang-undang Allah SWT tetap merupakan undang-undang terbaik.

Al-Qutb (1971) mengulas bahawa ayat akhir surah al-Nisa' menunjukkan bahawa segala urusan kembali kepada Allah sama ada yang berkait dengan peraturan harta atau peraturan bukan harta. Ungkapan "segala sesuatu" (بِكُلِّ شَيْءٍ) itu meliputi urusan pusaka dan bukan pusaka iaitulah perkara yang berkait dengan hukum-hukum dan peraturan hubungan keluarga dan hubungan kelompok-kelompok masyarakat. Terdapat dua pilihan sahaja sama ada memilih peraturan Allah SWT atau memilih kesesatan. Itulah dua jalan hidup manusia yang tidak ada jalan yang ketiga. Sebagaimana benarnya firman Allah SWT:

فَمَاذَا بَعْدَ الْحُقْقِ إِلَّا الضَّلَالُ

Makudunya, "Tiada yang lain selepas kebenaran itu melainkan kesesatan" (al-Quran. Yunus. 32).

Selain itu al-Zuhayli (1989) juga mengatakan bahawa sandaran ilmu ini (faraid) ialah daripada al-Quran, Sunnah dan ijma'. Adapun qiyas dan ijtihad tidak dikira sebagai sumber bagi perundungan ini kecuali apabila telah berlaku ijmak dalam hal tersebut (undang-undang pusaka Islam). Sandaran daripada al-Quran seperti mana yang tercatat dalam surah al-Nisa' pada ayat 11, 12 dan 176.

Adapun dalil daripada hadis Ibn Mas'ud bahawa Nabi SAW telah memerintah satu perdua untuk seorang anak perempuan, satu perenam untuk anak perempuan daripada anak lelaki (cucu) bagi menyempurnakan dua pertiga dan bakinya adalah untuk saudara perempuan seibu sebapa. Manakala dalil daripada ijma' ialah apabila para sahabat dan tabiin bersepakat mengatakan bahawa bahagian seorang nenek ialah satu perenam dan sekiranya dua orang nenek bahagian mereka ialah satu pertiga.

## PENUTUP

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa terdapat titik persamaan dan perbezaan antara Islam dan pandangan SIS. Titik persamaan ialah Islam dan SIS sama-sama menghendaki keadilan kepada wanita dalam bab mewarisi harta. Islam mengembalikan hak wanita untuk memiliki keupayaan mewarisi harta yang sebelumnya dinafikan dalam masyarakat jahiliah.

Namun, terdapat pertembungan atau perbezaan antara kehendak Islam dan SIS apabila SIS menuntut jumlah harta pusaka yang sama dibahagikan antara waris lelaki dan perempuan tetapi Islam telah mewajibkan bahagian seorang anak lelaki menyamai dua bahagian anak perempuan kerana kaum lelaki diberi tanggungjawab menjaga dan menafkahi keluarga. Menyamakan sesuatu dalam semua perkara bukanlah menepati ciri-ciri keadilan. Tetapi prinsip adil yang sebenar menurut Islam ialah meletakkan sesuatu hak pada tempatnya.

Sebagai umat Islam, kita haruslah berusaha dengan bersungguh-sungguh mempelajari dan mendalaminya ilmu pusaka Islam ini agar kita dapat memahami dengan sebaik mungkin hikmah di sebalik peraturan-peraturan yang terkandung dalam sistem perundangan tersebut. Ilmu ini sangat penting kerana ia mengatur kehidupan manusia sesudah kematian salah seorang anggota keluarga. Kegagalan memahami ilmu ini boleh mengakibatkan timbulnya perselisihan antara anggota keluarga, pertelingkahan dan akhirnya terputus silaturahim.

Dengan menguasai ilmu faraid, kita akan sentiasa berlapang dada dalam menerima bahagian masing-masing sedikit ataupun banyak. Berhubung permasalahan waris lelaki yang gagal dalam menjalankan tanggungjawab mereka seperti tidak memberi nafkah kepada anak-anak atau seumpamanya, perkara ini boleh dibincangkan secara baik antara ahli keluarga untuk membahagikan bahagian yang sama antara semua ahli waris.

Perlu diingatkan bahawa faraid ini diaplikasikan sekiranya terdapat walau hanya seorang ahli waris yang tidak bersetuju dengan cara pembahagian harta. Oleh demikian, ketetapan pembahagian 2:1 tidak mungkin diubah atau berubah walaupun zaman dan sosial hidup manusia telah jauh berubah kerana ketetapan ini datangnya dari Allah SWT yang Maha Mengetahui apa yang terbaik untuk hamba-hambaNya.

## RUJUKAN

- Hamka, Abdul Karim Amrullah. 1975. *Kedudukan Perempuan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
- Ibn Kathir, ḤImad a;-Din Abu al-Fida' Isma'il. T.th. *Tafsir al-Qur'an al-‘Azim*. Jil 1. Damsyik. Dar Ihya' al-Kitab al-‘Arabiyyah.
- Karm, Ghada. 2007. *Perempuan, Islam dan Patriarkalisme dalam Menyingkap Tabir Perempuan Islam Perspektif Kaum Feminis*. Terj. Purwanto. Bandung: Nuansa
- Mohd Ridzuan Bin Awang. 2008. *Isu-Isu Keadilan Dalam Pengagihan Harta Pusaka dalam Isu Fiqh Dan Persoalan Semasa*. Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM: UKM Bangi.
- Nik Noriani Nik Badlishah. 2003. *Islamic Family Law and Justice For Muslim Women*. Kuala Lumpur: Sisters in Islam.
- Al-Qutb, Ibrahim Husayn. 1971. *Fi Zilal al-Qur'an*. Jil 2. Beirut: Dar Ihya'.
- Rashidah Shuib. 2005. *Speaking With a New Voice: SIS in Malaysia*. Dalam Sexuality Gender and Rights: Exploring Theory and Practice in Southeast Asia. New Delhi: SAGE Publication.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali. 2006. *Ilmu Waris Dalam Syariah Islam Menurut al-Quran dan Sunnah*. Terj. Abdul Malik Hassan. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.
- Subhan, Zaitunah. 1999. *Tafsir Kebencian: Studi Bias Gender Dalam Tafsir al-Quran*. Yogyakarta: LkiS Yogyakarta.

- Al-Shalabi, Mustafa. 1978. *Ahkam al-Mawarith Bayna al-Fiqh wa al-Qanun*. Beirut. Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Wadud, Amina. 1999. *Quran and Woman: Rereading The Sacred Text From a Woman's Perspective*. New York: Oxford University Press.
- Zainah Anwar. 2009. *Wanted: Equality and Justice in the Muslim Family*. Malaysia: Musawah.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1989. *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Jil 8. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Zulkifli bin Mohamad al-Bakri. 2011. *Pengurusan Harta Pusaka Dalam Fiqh Syaffiy*. Kuala Lumpur: IBFIM.

### Internet

- Jabatan Agama Islam Selangor. 2012. *Sister In Islam: Wajah Gerakan Liberalisme Di Malaysia?*  
[http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel\\_asas/rnd/2012/julai/KertasKerja\\_4.pdf](http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel_asas/rnd/2012/julai/KertasKerja_4.pdf) (Diakses pada 31 Januari 2017).
- Laman Web Rasmi Sisters in Islam. <http://sistersinislam.org.my/page.php?35> (Diakses pada 15 Januari 2017)
- Ratna Osman. 2012. *My Personal Journey To Sisters In Islam*.  
<http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.954.46> (Diakses pada 28 Februari 2017).
- Ratna Osman. 2014. *Are Women And Men Equal Before God?* Scotland: Al-Makhtoum College. <https://www.youtube.com/watch?v=qV1n1ka-A2k>. (Diakses pada 28 Februari 2017).
- Zainah Anwar. 2009. *Silence Not The Women*. The Star.  
<http://sistersinislam.org.my/news.php?item.337.6> (Diakses pada 13 Februari 2017).
- Zainah Anwar. 2012. *Fatwa Mengenai Kedudukan Penama EPF & PERKESO dan Kedudukan Penama Polisi Insuran Sebagai Harta Pusaka*.  
<http://sistersinislam.org.my/news.php?item.976.42> (Diakses pada 1 Februari 2017).

### Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.